كمنترين كبودايان بليا دان سوكن
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
SURAT BERITA
Jilid : 01/2021

# جانڠ
# CANANG

2021 JANUARI

PETIKAN

# TITAH

"Pada tahun 2021 ini, Negara Brunei Darussalam akan menjadi Pengerusi kepada mesyuarat di peringkat ASEAN yang membawa Tema **'We Care, We Prepare, We Prosper'**.

Tema ini bertujuan memberi fokus kepada hal ehwal kesejahteraan rakyat ASEAN.

Maka dalam hubungan ini, keutamaan akan terus diberikan kepada melaksanakan inisiatif-inisiatif yang membolehkan negara-negara ASEAN akan lebih bersedia bertindak balas untuk memelihara kesejahteraan rakyat masing-masing, khasnya ketika menghadapi sebarang krisis atau bencana di masa-masa mendatang."

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA**
**PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,**
**SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SEMPENA MENYAMBUT TAHUN BARU MASIHI 2021**

**02 JAN**
**SABTU**

## MAJLIS PEMBUKAAN RASMI
*@Taman Riadah Bukit Saeh Lumapas*

**Taman Rekreasi Bukit Saeh yang mempunyai ketinggian 728 meter dari aras permukaan laut ini mempunyai empat trek pendakian, tiga daripadanya adalah mencabar, dan juga mempunyai 16 pusat pemeriksaan dan ianya di lengkapi dengan beberapa kemudahan seperti jambatan, tali, tangga dan kemudahan lain.**

**Pentadbiran dan kebajikan taman ini diuruskan oleh satu jawatankuasa yang ditubuhkan pada 22 september 2020, dianggotai oleh seramai 44 anggota termasuk lima wanita yang berkemahiran dalam asas keselamatan kecemasan.**

*Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, merasmikan Taman Rekreasi Bukit Saeh.*

*Foto: Borneo Bulletin, Jawatankuasa Penganjur*

## WORLD BRAILLE DAY

**04 JAN**
**ISNIN**

**08 JAN**
**JUMAAT**

## Majlis Makan Malam Tahunan (Annual Dinner) MKOKU Tahun 2020
*@Restoran Emperor's Court, Manggis Mall*

*Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Datin, disertai pegawai-pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menghadiri Majlis Makan Malam Tahunan (Annual Dinner) Tahun 2020 anjuran MKOKU yang merupakan rakan strategik KKBS dalam memeduli golongan OKU.*

Sejak MKOKU didaftarkan pada 21 Mei 2016 menurut ceraian (3) Bab 8 dari Akta Pertubuhan Penggal 203, sembilan persatuan telah bergabung di bawah payung MKOKU terdiri dari Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam; Society for the Management of Autism Related Issues in Training, Education and Resources (SMARTER); Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA); Special Olympic Brunei Darussalam (SOBD); Persatuan Orang Kurang Pendengaran (OKP); Persatuan Sindrom Down (ABLE); Brunei Darussalam Association for the Blind (BDNAB); Persatuan Paraplegic and Physically Disable Association (PAPDA) dan Learning Ladders Society (LLS).

**08 JAN**
**JUMAAT**

## Pementasan Teater : Lorong Langir

*@Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa Dan Pustaka*

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bergambar ramai bersama penggiat seni yang menjayakan pementasan teater Lorong Langir.

*Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi (Penerangan)*

*Lorong Langir* merupakan hasil karya Zefri Ariff berkisar tentang pergolakan dalam sebuah komuniti yang bergelut dengan isi-isu kritikan sosial.

Pementasan dibawah arahan Muhammad Arffan bin Haji Akif ini menampilkan para penggiat seni sastera muda belia yang telah mengikuti Klinik Teater yang diadakan pada 25 hingga 27 Disember 2020 dan 1 hingga 3 Januari 2021, bimbingan Awang Mohammed Zefri Ariff bin Mohammed Zain Arif selaku Ketua l Kumpulan Putra Seni

**09 JAN**
**SABTU**

## Majlis Mengangkat Sumpah Barisan Kepimpinan Baharu Persahabatan Brunei-China Ke-6 bagi Sesi 2021-2023

*@Centrepoint Hotel, Gadong*

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyaksikan Majlis Mengangkat Sumpah Barisan Kepimpinan Baharu Persahabatan Brunei-China Ke-6, dan Majlis Penandantangan dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada ahli-ahli.

*Foto: Media Permata*

**11 JAN**
**ISNIN**

## MAJLIS PELANCARAN WARTA BELIA

*@Stadium Tertutup, KSNHB*

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyempurnakan Pelancaran Warta Belia Edisi Ke-6, diselajurkan dengan Acara Penyerahan Sumbangan daripada Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).




*Warta Belia* merupakan catatan rentetan peristiwa-peristiwa penting perjuangan Sukarelawan Belia sejak hari pertama, diusahakan oleh gabungan tenaga penulis, jurugambar juga pereka grafik, dipimpin oleh Dayang Lenna Norsusilanita binti Bahari, selaku penulis utama dan Penolong Ketua Bahagian Media/ Perhubungan Awam Sukarelawan Belia.

Setakat ini sejumlah 2,511 orang berdaftar di bawah Sukarelawan Belia, dengan 48,000 pelepasan (deployment) sukarelawan dilaksanakan, iaitu mengambil kira purata 143 orang bertugas sehari

**11 JAN ISNIN**

**Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-2 dan Pemilihan Jawatankuasa Tadbir Tertinggi (JKTT) Pertubuhan WARGAMAS Brunei**

*@Dewan Utama, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)*

*Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), berucap pada Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-2 dan Pemilihan Jawatankuasa Tadbir Tertinggi (JKTT) Pertubuhan WARGAMAS Brunei (Annual General Meeting - AGM2)*

**19 JAN SELASA**

**Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Ke-25 Tahun (Jubli Perak)**

*@Masjid Kampung Batu Marang*

*Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyempurnakan Majlis Pembukaan Tirai Papan Kenangan, dan seterusnya menyampaikan cenderahati kepada para Imam yang pernah dan sedang bertugas di masjid berkenaan.*

**23 JAN SABTU**

**Mesyuarat Agung Tahunan SCOT Ke-7,**

*@ Bilik Mesyuarat, Pusat Belia*

Setiausaha Agung Presiden The Society for Community Outreach & Training (SCOT), Dayang Nureen Afeah binti Elyas; dan Pengasas Kadairuncit.com, Awang Aizuddin Fakhri bin Md. Soud, masing-masing terpilih sebagai penerima Anugerah Kehormat (The SCOT Honorary Award) dan Stakeholder Award.

# Taklimat Pembarigaan Pelan Strategik KKBS 2020-2024

**18 JAN**
**ISNIN**

*@Dewan Digadong, KKBS*

*Warga KKBS* menghadiri Taklimat Pembarigaan Pelan Strategik KKBS 2020-2024 yang diungkayahkah oleh Unit Dasar dan Strategi KKBS untuk mempersiapkan dan memastikan seluruh warga KKBS bergerak sebagai satu unit yang dinamik kearah mencapai misi dan visi kementerian dan wawasan negara.

**19 JAN**
**SELASA**

*@Dewan Digadong, KKBS*

**20 JAN**
**RABU**

*@Dewan Teater, Arkib Negara*

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan isteri, hadir selaku tetamu kehormat dan menyaksikan persembahan kebudayaan India.

**'Utsav....The Celebration'**
*@Dewan Serambi Suluh, Tarindak D'Seni*

**24 JAN AHAD**

**Suruhanjaya Tinggi India** di Brunei Darussalam dengan kerjasama persatuan India dan rakan-rakan serantau mereka di Brunei mempersembahkan kekayaan warisan budaya India yang digambarkan dalam bentuk tarian klasik India yang penting antaranya Kathakali, Kuchupudi, Bharatnatyam, Kathak, Garba & Dandiya, Jogwa, Dhumal dan Ghoomar.

**24 JAN AHAD**

## Majlis Konvokesyen Program Curahan Ilmu 2020

*@ Dewan Binadiri, Pusat Pembangunan Belia.*

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan**, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyempurnakan penyampaian sijil dan hadiah kepada 44 orang pelajar yang meyertai Program Curahan Ilmu 2020.

**25 JAN ISNIN**

## Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi (JKT)
## Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-37, Tahun 2021

*@ Dewan Digadong, KKBS*

"Seperti mana jua sambutan-sambutan sebelum ini, amatlah wajar hari teristimewa ini untuk diraikan oleh setiap peringkat masyarakat dengan penuh kegembiraan dan kemeriahan dalam norma baharu kerana ia adalah milik bersama sekalian rakyat dan penduduk NBD.

Di sinilah cerminan kecemerlangan juga kebahagiaan bangsa dan NBD yang sentiasa mempertahankan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai teras identiti kita dalam apa jua situasi atau cabaran."

*Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi, dalam ucapan alu-aluan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali ke 37, Tahun 2021*

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi bagi membincangkan persediaan bagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali ke 37, Tahun 2021.

Acara-acara Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD ke-37, Tahun 2021, yang dibincangkan dan diteliti, antaranya ialah Majlis Doa Kesyukuran, Sembahyang Fardhu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Kesyukuran; Upacara Perhimpunan Agung; Upacara Menaikkan Bendera Besar; Upacara Menurunkan Bendera Besar; Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera; dan Acara-Acara Sampingan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-37, Tahun 2021, seperti Majlis Khatam Al-Quran 37 Kali; dan Festival Hari Kebangsaan.

**27 JAN**
**RABU**

**Majlis Penyerahan Sijil Kesiapan Rumah Projek Bantuan Perumahan Golongan Daif, Fakir dan Miskin**
*@ Dewan Multaqa, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU)*

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang BerHormat Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyerahkan Sijil Kesiapan Rumah Projek Bantuan Perumahan Golongan Daif, Fakir dan Miskin kepada 21 orang penerima. Perbelanjaan bagi pembinaan 21 buah rumah tersebut adalah sepenuhnya melalui peruntukan Kumpulan Wang Zakat MUIB yang berjumlah **BND1,977,283.60.**

**30 JAN**
**SABTU**

**Majlis Penanaman Pokok Sempena Pelancaran Protokol Hijau**
*@ Tapak Peranginan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien.*

Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet semasa bergambar ramai pada Majlis Penanaman Pokok sempena Pelancaran Garispanduan Protokol Hijau di kawasan Tapak Peranginan di bawah Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien semasa menyempurnakan Pelancaran Garispanduan Protokol Hijau..

**Hari Penghargaan dan Pelancaran Majalah Tahunan Pusat Ehsan 2020**
*@ Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan)*

**30 JAN**
**SABTU**

**07 JAN RABU**

**Perjumpaan bersama bakal-bakal pesara**
***@Bilik YB Menteri KKBS***

**CUTI PERSARAAN:**

YM Awang Haji Amer Hamzah Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria mulai bercuti 1101.2021
YM Awang Haji Mohd Yunos bin Haji Tuah mulai bercuti 08.01.2021
YM Dayang Hajah Aini binti Haji Judin mulai bercuti 07.01.2021
YM Kolonel (b) Pg Haji Zulkifli bin Pengiran Haji Ismail mulai bercuti 01.01.2021
YM Dayang Hajah Siti Rohaini binti Haji Abdullah mulai bercuti 29.01.2020

BRUNEI DARUSSALAM
2021

We Care,
We Prepare,
We Prosper

JABATAN HAL EHWAL MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# MENGHARGAI DAN MEMANFAATKAN MASA

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 24 Jamadil Awwal 1442H/ 08 Januari 2021M

*Masa itu sangat berharga dan berlalu dengan begitu pantas tanpa kita sedari*

## Apa yang kita boleh buat?

- ✓ Hargai Masa
- ✓ Jangan biarkan masa kita berlalu dengan sia-sia
- ✓ Manfaatkan masa, dengan menggunakannya untuk:

- Memikirkan dan merancang masa depan
- Meluangkan masa bersama ahli keluarga
- Menimba ilmu pengetahuan
- Memperbanyakkan amal ibadat & amal kebajikan

Berusaha untuk sentiasa memajukan diri, keluarga, masyarakat dan negara

### Kenapa kita perlu memanfaatkan masa?

Kerana di Akhirat kelak, kita semua akan ditanya adakah kita telah menggunakan pemberian/nikmat yang dikurniakan Allah dengan sebaik-baiknya atau tidak.

Daripada Ibnu Abbas ia berkata, Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda kepada seorang lelaki dan Baginda menasihatinya:

**Rebutlah lima perkara sebelum kamu didatangi oleh lima perkara yang lain:**

- Masa mudamu sebelum tuamu
- Masa sihatmu sebelum sakitmu
- Masa kayamu sebelum fakirmu
- Masa lapangmu sebelum kesibukkanmu
- Masa hidupmu sebelum matimu

**(HR Imam Hakim)**

**Disediakan oleh:**
**Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan,**
**Jabatan Hal Ehwal Masjid,**
**Kementerian Hal Ehwal Ugama,**
**Negara Brunei Darussalam**

**TIM PENERBITAN**
Unit Perhubungan Awam

**PENYUNTING & PENYEMAK,**
Unit Perhubungan Awam

**PERWAJAHAN DAN ATURHURUF**
Unit Perhubungan Awam

**JURUFOTO**
Hajah Ajijah binti Haji Ali,
Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman,
Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh.

**PENGHARGAAN**
Jabatan Penerangan
Jabatan Hal Ehwal Masjid
Borneo Bulletin
Media Permata

## PENSEJAJARAN STRATEGI: PELAN STRATEGIK 2020-2024

### VISI DAN MISI

**VISI KKBS**

**BANGSA BRUNEI CEMERLANG**

**MISI KKBS**

**MEMBINA MASYARAKAT YANG BERBUDAYA, BERDAYA TAHAN, BERDAYA SAING, BERTANGGUNGJAWAB DAN PEMEDULIAN.**

### PENCAPAIAN VISI

**WAWASAN BRUNEI 2035**

- RAKYAT YANG BERPENDIDIKAN TINGGI, BERKEMAHIRAN DAN BERJAYA
- KUALITI KEHIDUPAN YANG TINGGI
- EKONOMI YANG DINAMIK DAN BERDAYA TAHAN

**PENCAPAIAN VISI KKBS:**

- MASYARAKAT PROGRESIF
- BELIA SIAGA MASA DEPAN
- NEGARA SUKAN YANG GEMILANG
- BUDAYA DINAMIK DAN PENGUKUHAN WARISAN
- PERSEKITARAN KERJA PRODUKTIF DAN INKLUSIF

### OBJEKTIF STRATEGIK

Meningkatkan Kerjasama Strategik melalui pendekatan seluruh negara.

**KERJASAMA STRATEGIK**

Meningkatkan Pemberian Perkhidmatan Berkualiti kepada pelanggan.

**PEMBERIAN PERKHIDMATAN BERKUALITI**

Meningkatkan Kehidupan Bangsa Berkualiti.

**KEHIDUPAN BERKUALITI**

### STRATEGI TERAS

1. Meningkatkan Kerjasama Seluruh Negara Dalam Pembangunan Keupayaan Masyarakat.
2. Meningkatkan Pensejajaran Proses dan Pengoptimuman Sumber Secara Efektif.
3. Meningkatkan Peluang Inovasi dan Penyelidikan.
4. Memantapkan Perancangan dan Perkembangan Sumber Manusia.
5. Meningkatkan Pembangunan Sektor-Sektor: Kemasyarakatan, Kebeliaan, Kesukanan dan Kebudayaan.

### INISIATIF STRATEGIK

- 1.1 Meningkatkan keupayaan melalui pembelajaran sepanjang hayat dan latihan kemahiran (up/*re-skilling*).
- 1.2 Meneroka dan memperluas kerjasama dalam aktiviti keusahawanan.
- 1.3 Mempertingkatkan kerjasama untuk melaksanakan dan mengembangkan inisiatif peluang pekerjaan dan kesukarelawanan.
- 2.1 Meneroka dan menambah baik pemberian perkhidmatan melalui pendekatan Pasukan Rentas Fungsi (*Cross-Functional Team,CFT*) dan penggunaan teknologi.
- 2.2 Pengurusan aset melalui Program Konsolidasi Fiskal (*Fiscal Consolidation Programme, FCP*).
- 3.1 Mewujudkan hab inovasi dan penyelidikan.
- 3.2 Mewujudkan pusat-pusat kecemerlangan (*Centres of Excellence, CoE*).
- 4.1 Mewujudkan strategi Perancangan dan Perkembangan Sumber Manusia dan Pengurusan Bakat.
- 5.1 Pelaksanaan berkesan Wawasan Brunei 2035.
- 5.2 Memaksimumkan ketersediaan program-program inklusif yang menyokong masyarakat.
- 5.3 Meningkatkan keupayaan dan kemampuan masyarakat bagi meluaskan peluang dan pembangunan sektor-sektor.

منجالين كرجاسام دڠن مشاركت